

09 MAY 2003

Umno-Ulangtahun

ULANGTAHUN UMNO KE-57 PERINGATI PERJUANGAN KEMERDEKAAN NEGARA

Oleh Harlina Samson

KUALA LUMPUR, 9 Mei (Bernama) -- Sambutan ulangtahun ke-57 Umno di Stadium Merdeka di sini Ahad ini diadakan dengan penuh makna dan simbolik bagi memperingati perjuangannya menyatupadukan orang Melayu dan membebaskan negara ini daripada belenggu penjajahan.

Sambutan penubuhan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu, yang lahir pada 11 Mei 1946, kali ini jelas akan mengingatkan kembali nostalgia laungan "Merdeka" oleh Presiden Umno kedua Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj pada tanggal keramat 31 Ogos 1957 di stadium itu.

Simbolik angka 57 tahun penubuhan Umno dengan tahun 1957, memberi peringatan kepada anggota dan penyokongnya, malah seluruh orang Melayu bahawa usia sedewasa itu tidak bererti Umno tidak akan mati dan terus kekal memperjuangkan nasib bangsa serta menjadi pemerintah.

Ketika dunia hari ini dibelenggu dengan pelbagai masalah dan ketidaktentuan, keganasan, penindasan oleh yang kuat ke atas yang lemah, peperangan, dan pembunuhan beramai-ramai, cabaran yang dihadapi bangsa Malaysia khususnya Melayu sebenarnya lebih hebat.

Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang akan mengundurkan diri dari jawatannya dalam kerajaan dan parti Oktober ini, pada perhimpunan agung Umno tahun lepas telah memberi amaran bahawa orang Melayu di Malaysia masih belum selamat.

"Orang Melayu masih menjadi kaum yang lemah dan kaum yang termiskin di negara ini. Jika orang Melayu tidak berjaga-jaga mereka boleh kembali ke zaman mereka dijajah dahulu, miskin dan dihina," kata Perdana Menteri semasa menyampaikan ucapan dasarnya.

Lihatlah sahaja apa yang berlaku terhadap Iraq. Pencerobohan oleh Amerika Syarikat dan sekutunya baru-baru ini memperlihatkan bagaimana negara yang lemah perlu menerima apa sahaja nasib yang ditimpakan ke atas mereka.

Ketamadunan Iraq, bumi Anbia, yang telah dipertahankan selama beribu-ribu tahun musnah begitu sahaja.

Sesuai dengan tema "Perjuangan Sebuah Bangsa", sambutan ulangtahun kali ini juga bertujuan mengingatkan generasi muda akan perjuangan dan pengorbanan orang lama membebaskan tanah air daripada penjajah dan membangunkan bangsa dan Malaysia menjadi sebuah negara yang bebas dan berjaya.

Setiausaha Kerja Umno Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor berkata tema sambutan itu dipilih kerana ia berkait rapat dengan perjuangan Umno selama ini dalam melahirkan bangsa Melayu dan bangsa Malaysia yang berdaya saing dan maju.

Kejayaan Umno membentuk bangsa yang berdaya saing tidak dinafikan. Jika tidak kerana Umno, mungkin tidak ada Permodalan Nasional Berhad atau pelbagai saham amanah dan agensi milik kerajaan khas untuk orang Melayu pada hari ini. Ramai juga orang Melayu mendapat peluang untuk berniaga dan berjaya.

Begitupun, apakah yang dilakukan Umno selama ini sudah cukup untuk menjadikannya sebagai institusi rakyat yang disenangi oleh setiap lapisan masyarakat khususnya generasi muda?

Seorang profesional Melayu yang mengajar di sebuah institusi pengajian tinggi khusus untuk kaum Bumiputera berkata dalam usia sedewasa ini, Umno seharusnya bermuhasabah diri bagi memastikan parti itu kekal relevan dengan perubahan zaman.

"Kuasa politik kini bukan lagi satu pilihan utama sebaliknya ia semakin pupus. Rasa selesa dan berpuashati dengan perjuangan sebelum ini hanya akan menyebabkan semangat perjuangan dan kesungguhan untuk ia bergerak ke hadapan sesuai dengan masa yang sentiasa berubah," katanya.

Sambutan ulangtahun, yang diadakan sebelum perhimpunan agung Umno pada 17 hingga 20 Jun, dilihat sebagai satu peristiwa amat penting dalam sejarah parti berikutan peralihan kuasa Dr Mahathir yang telah memimpin parti lebih dua dekad, kepada timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Dr Mahathir akan menyampaikan ucaputamanya di hadapan kira-kira 40,000 anggota dan penyokong parti yang akan menghadiri sambutan ulangtahun itu.

Ucapan itu tentunya dinantikan dengan penuh minat oleh umum berikutan ia merupakan satu antara beberapa acara rasmi terakhir bagi negarawan yang amat dihormati dan disegani termasuk di peringkat antarabangsa.

Umno dan orang Melayu terhutang budi kepada Dr Mahathir yang menjadi wira bangsa dan pemimpin Islam yang amat dihormati.

Kepimpinannya telah meletakkan Malaysia mencapai kecemerlangan daripada segi perpaduan kaum, pendidikan, ekonomi dan kewangan. Dr Mahathir juga telah meletakkan asas yang kukuh ke arah mencapai matlamat negara maju menjelang tahun 2020.

Sambutan ulangtahun dan perhimpunan parti kali ini juga menjadi lebih penting sebagai persediaan kepada hampir tiga juta anggotanya menghadapi pilihan raya umum ke sebelas pada bila-bila masa, di bawah tampuk kepimpinan baru.

-- BERNAMA
HS AHH RON